

1.8 Penutup

Pendekatan hadith-hadith akidah di dalam kitab-kitab akidah akan memberikan gambaran yang sebenarnya tentang pendekatan yang diambil oleh Rasulullah s.a.w di dalam mengajar ilmu akidah kepada umatnya dengan menggunakan pendekatan yang terbaik melalui wahyu Ilahi.

Tidak semua permasalahan akidah diterangkan oleh Rasulullah s.a.w secara terperinci dan panjang lebar dengan menggunakan dalil-dalil *naqliyah* yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran mahupun hadith.

Ini adalah kerana Allah s.w.t. amat mengetahui tahap pencapaian manusia di dalam memikirkan perkara yang berkaitan dengan akidah yang lebih kompleks dan jauh daripada alam realiti dan tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera biasa terutamanya tentang ketuhanan dan *sam'iyyat*.

Justeru, pendekatan melalui dalil-dalil al-Quran dan hadith merupakan pendekatan terbaik di dalam pengajian akidah. Di samping itu tidak dapat dinafikan juga peranan dalil-dalil akal dan logik sebagai pelengkap terhadap kedua-dua sumber utama tersebut.

sahabat tentang akhlak Rasulullah s.a.w , lantas beliau menjawab bahawa akhlak baginda s.a.w adalah al-Quran. Diriwayatkan daripada hadith berbunyi:²

”كان خلقه القرآن“

Maksudnya: “Sesungguhnya akhlak baginda s.a.w. ialah al-Quran”.

Justeru itu, para sahabat bertungkus-lumus untuk mendapatkan dan mempelajari hadith-hadith yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w dengan menjadikan baginda s.a.w sebagai contoh terbaik (*Qudwah Hasanah*) di samping menumpukan perhatian terhadap al-Quran sebagai satu tuntutan praktikal di dalam kehidupan mereka.³

Oleh itu mereka sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh mendapatkan hadith-hadith daripada Rasulullah s.a.w dan baginda s.a.w. meminta

²Hadith Riwayat Muḥammad bin Ismaīl al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Ṣalāh 369 , Mawaqit al-Ṣalāh 555, 556, 558, al-Adhān 584, al-Jum'ah 939, Bad' al-Khalq 3023, Dār Ihya' al-Turath al-'Arabi', Beirut , 1987 , Muslim bin al-Hajāj , *Sahīh Muslim*, Kitab al-Taharah 371, al-Haid 465, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi' 1972 , Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajastani , Abu Daud , *Šunnat Abī Daūd*, Kitab al-Taharah 47, 51, al-Ṣalāh 816-819, al-Šaum 2076, 2079, al-Jihād 2119,Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi', Beirut , t.t. , Muhammad bin 'Alī al-Tarmidhi, *Sunan al-Tarmidhi*, Kitab al-Ṣalāh 341,342, al-Šaum 699, al-Birr wa al-Ṣalāh 1939. Dar Ihya' al-Turāth al-'Arabi', Beirut , t.t. , Ahmad bin 'Alī al-Nasā'i , *Sunan al-Nasā'i* , Kitab al-Taharah 8, 166, al-Mawaqiq 570-572, Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah , 1986 , Muhammad bin Yazid, Ibn Majah , *Sunan Ibn Majah* , Kitab al-Taharah wa Sunanuha 286, 467, Iqāmah al-Ṣalāh wa al-Sunnah fiha 909, 1140, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi', Beirut , 1985 , Mālik bin Anas , *al-Muwatta'* , Kitab al-Taharah 98, al-Nida' li al-Ṣalāh 242-244, al-Šiām 601, Dar Ihya' al-'Ulūm, Beirut , 1988 , Ahmad bin Ḥanbal , *Musnad al-Imām Ahmad* , Musnad Baqi Musnad al-Anṣār, 23460, 24703, 24716, 24673, 23038, 23058, 23092, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi', Beirut , 1991 , 'Abd Allāh bin 'Abd al-Rahmān al-Dārimī , *Sunan al-Dārimī* , Kitab al-Ṣalāh 1403, 1406, 1410, 1411, Dar al-Kitab al-'Arabi', Beirut , 1987 .

³ Mustafā al-Sibā'i , *al-Sunnah wa Makanatuhā fī al-Tasyīr al-Islāmī* , al-Maktabah al-Islāmī , Beirut , 1976, hal. 56

para sahabat yang mendengarnya supaya menyampaikannya pula kepada orang lain. Dengan itu, hadith telah berkembang dengan meluasnya sejak zaman Sahabat, Tābi'īn, Tābi'i' Tābi'i' sehingga ke hari ini.⁴

Kedudukan hadith sangat penting kerana ia merupakan sumber kedua selepas al-Quran selaras dengan firman Allah s.w.t.⁵

يأيها الذين آمنوا أطيعوا الله وأطيعوا الرسول وأولي الأمر منكم فإن
تنازعتم في شيء فردوه إلى الله والرسول إن كنتم تؤمنون بالله واليوم
آخر ذلك خير وأحسن تأويلا

Maksudnya: “ Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada *Ull-Amri* (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”.

Di dalam kajian ini, penulis memfokuskan kepada perbincangan Hadith-hadith Akidah di dalam Kitab-kitab Jawi dengan memberikan penumpuan kajian

⁴Muhammad 'Ajjāj al-Khatīb, *Usūl al-Hadīth*, Dar al-Fikr, Beirut, 1981, hal. 95

⁵Surah al-Nisa', ayat : 59

terhadap kitab *'Aqidah al-Najīn fi 'Ilm Uṣūl al-Dīn'*⁶ karangan Syeikh Zain al-Abidīn bin Muhammad al-Faṭānī.

1.2 Pengertian Tajuk Dan Perumusan Masalah

Tajuk disertasi ini ialah : Hadith-hadith Akidah di Dalam Kitab-kitab Jawi : Tumpuan Kepada Kitab *'Aqidah al-Najīn*. Sebelum diterangkan dengan lebih lanjut pengertian tajuk ini, penulis akan menjelaskan beberapa istilah yang terkandung di dalamnya, iaitu perkataaan : “Hadith”, “Akidah”, “Kitab-kitab Jawi” dan “Kitab *'Aqidah al-Najīn*”.

Menurut Kamus Dewan perkataan “hadith” merupakan sabda atau ucapan Nabi Muhammad s.a.w. yang diriwayatkan oleh para sahabatnya(untuk menjelaskan atau menentukan sesuatu hukum Islam)⁷.

⁶ Kitab ini merupakan karangan Syeikh Zain al-Abidīn bin Muhammad al-Faṭānī. Beliau merupakan seorang ulama Nusantara yang terkenal. Ia merupakan terjemahan daripada kitab asal karangan Ibn Yūsuf al-Sanūsī , pengarang kitab tauhid yang masyhur *Umm al-Baṣrahīn* dengan memberi sedikit penambahan dan syarah oleh beliau sendiri.

⁷ *Kamus Dewan*, D.B.P. , (Edisi Ketiga), Kuala Lumpur, 1996, hal. 426

Di dalam bahasa Arab perkataan *al-Hadīth* dari segi bahasa bermakna sesuatu yang baru daripada kalam atau perkhabaran sama ada sedikit atau banyak.⁸

Menurut Ibn Manzūr (M. 711H) perkataan hadith berasal daripada *hadatha* (حدث) bermaksud berlawanan dengan *qadīm* (قديم) iaitu lama. *Al-Hadīth*

membawa pengertian sesuatu yang baru. Ia juga bermakna perkhabaran yang diceritakan sama ada sedikit ataupun banyak.⁹

Menurut sebahagian ulama , perkataan *al-Hadīth* (الحديث) menurut bahasa bermakna baru. Penggunaan perkataan hadith adalah sebagai lawan kepada perkataan *qadīm* (sedia). Perkataan *qadīm* ini pula dinisbahkan kepada kitab al-Quran manakala perkataan *hadith* (baru) merupakan segala perkara yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. . Ibn Hajar (M. 852H) di dalam kitabnya *Fath al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* berkata bahawa hadith menurut istilah 'syara' ialah apa sahaja yang dinisbahkan kepada Rasulullah s.a.w.¹⁰

⁸ Dr. Ibrahim Unais, et.al , *Al-Mu'jam al-Wasīt*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut, t.t. , jil. 1, hal. 16

⁹ Ibn Manzūr , Abu al-Faḍl Jamāl al-Dīn, *Lisan al-'Arab* , Dar Ṣadir, Beirut, 1990, jil. 2, hal. 133

¹⁰ Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* , Dar al-Rayyān li al-Turāth, Kaherah, 1986, jil. 1 , hal.203

Hadith menurut Imam al-Suyūtī (M. 911H) ialah ilmu yang mengandungi kata-kata Nabi s.a.w., perbuatannya, periwayatannya, ketetapannya dan lafaz-lafaznya. Pada hakikatnya ia merupakan penyampaian sunnah beserta sanadnya dengan syarat-syarat tertentu. Hadith ini juga dinamakan sebagai *al-Hadīth Riwayah*.¹¹

Manakala ‘Alī al-Qārī (M. 1016H) pula menjelaskan bahawa hadith ialah segala perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w sama ada perkataan, perbuatan, *taqrīr* (pengakuan), gerak laku dan diam sama ada semasa jaga ataupun tidur.¹²

Daripada pengertian di atas dapat disimpulkan bahawa hadith ialah segala yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, akhlak dan sifat kejadiannya. Begitu juga dengan perkara yang disandarkan kepada para sahabat dan ṫabī‘in.

Akidah di dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan *aqada* (عِدَة) yang bermakna simpulan. Apabila digunakan di dalam jual beli ia dikenali

¹¹ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr , al-Suyūtī, *Tadrib al-Rawī fī Syarḥ Taqrīb al-Nawawī* , Maktabah Dār al-Turāth, Kāherah, 1972, hal. 40

¹² ‘Alī al-Qārī al-Harawī, ‘Alī al-Qārī al-Harawī ‘ala Syarḥ Nukhbah al-Fikar , Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, Beirut, 1988, hal. 16. Lihat juga Muhammed ‘Ajjāj al-Khatīb, *op.cit.* , hal. 19

sebagai akad, apabila digunakan di dalam ikatan persefahaman dikenali sebagai janji, manakala istilah ikatan dan simpulan digunakan apabila diikat dengan tali dan seumpamanya.¹³

Manakala perkataan akidah di dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *faith* atau *belief*.¹⁴ Ia memberi pengertian sebagai kepercayaan dan keyakinan.¹⁵

Akidah menurut istilah pula bermaksud iman yang kuat dan mendalam terhadap Allah s.w.t., malaikat-malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari akhirat, qada' dan qadar yang baik mahupun buruk, beriman dengan semua yang diturunkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran dan apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sunnahnya yang sahih, perintah-perintah, perkhabaran-perkhabaran, ijma' para *salaf al-Saleh* dan menyerah diri dengan sepenuh hati kepada hukum Allah s.w.t., perintahNya, penentuanNya, taat dan berhukum dengan hukumNya serta mengikut segala titah perintah yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.¹⁶

¹³ Abu Ḥayyān al-Andalusi , Muḥammad bin Yusuf, *al-Bahr al-Muḥīṭ* , Dar al-Fikr, Beirut, 1992, jil.4, hal.350

¹⁴ *Kamus Pelajar Delta*, Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd., Cet. 1 , Petaling Jaya ,1988, hal. 8

¹⁵ *Kamus Dewan*, op.cit. , hal.21

¹⁶ Dr. 'Abd Karim al-'Aql, *Mabāhīs fi 'Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, Dar al-Waṭan, Saudi Arabia, t.t., hal.9

“Kitab-kitab Jawi” pula bermaksud kitab-kitab yang telah dikarang oleh orang Melayu. Perkataan jawi sendiri membawa pengertian Melayu. “Huruf Jawi” bermakna huruf Arab dengan beberapa huruf tambahan yang digunakan untuk menulis dalam bahasa Melayu. Tulisan yang menggunakan huruf jawi adalah dikenali sebagai tulisan jawi. Manakala perkataan “menjawikan” dikenali sebagai mengalihkan (mengubahkan) kepada tulisan jawi.¹⁷

“Kitab ‘*Aqīdah al-Najīn*’ merupakan kitab karangan ulama Nusantara yang terkenal iaitu Syeikh Zain al-‘Abidīn bin Muḥammad al-Faṭāñī. Beliau menamakan kitab tersebut ‘*Aqīdah al-Najīn fi ‘Ilm Usūl al-Dīn*’ yang bermakna *i’tiqād* bagi setiap orang yang kelepasan daripada sesat dan *bid’ah* pada membincarkan ilmu Usuluddin dan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah*.¹⁸

Kitab ini merupakan kitab rujukan utama yang digunakan di pusat-pusat pengajian tradisional seperti Madrasah Bakriah Terusan Limbat, Pasir Tumboh, Pondok Lubuk Tapah dan lain-lain. Di samping itu juga kuliah-kuliah pengajian di masjid juga menggunakan kitab tersebut sebagai silibus pengajian akidah mereka.

¹⁷ Kamus Dewan, op.cit. . hal. 524.

¹⁸ Zain al-‘Abidīn bin Muḥammad al-Faṭāñī, ‘*Aqīdah al-Najīn fi ‘Ilm Usūl al-Dīn*, Percetakan al-Ma’arif Sdn. Bhd., t.t. , hal 3

Berdasarkan pengertian setiap kalimah di atas, maka tajuk ini bermaksud hadith-hadith akidah yang ucapan oleh Rasulullah s.a.w di dalam perkara yang berkaitan dengan ketuhanan, kenabian dan *sam'iyyat*. Hadith-hadith tersebut telah dipetik oleh ulama Nusantara yang terkenal iaitu Syeikh Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani sebagai hujah di dalam membincangkan persoalan akidah berkaitan dengan ketuhanan, kenabian dan *sam'iyyat*.

Setelah menghuraikan pengertian tajuk, maka di sini dinyatakan beberapa perumusan masalah sebagai satu proses untuk memudahkan penulis melakukan pengakajiannya dengan memberikan penumpuannya beberapa objek penting sebagai bahan perbincangan utama tesis ini. Di antaranya ialah:-

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan hadith-hadith akidah ?
- ii. Bagaimakah pendekatan akidah yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w terhadap para sahabatnya ?
- iii. Adakah pendekatan tersebut dengan menggunakan dalil-dalil *naqliyah* lebih tepat dan relevan dengan perkembangan masa kini ?
- iv. Bagaimana pembahagian hadith-hadith akidah di dalam kitab *'Aqidah al-Najîn* ?
- v. Adakah hadith-hadith di dalam kitab tersebut boleh diterima pakai dari sudut kesahihan sanad dan sumbernya (*takhrîj*) ?
- vi. Jika benar, apakah hujah dan buktinya ? Begitu juga dengan sebaliknya ?

1.3 Tujuan Penyelidikan

Penulis memilih tajuk : Hadith-hadith Akidah di dalam Kitab-kitab Jawi : Tumpuannya Terhadap Kitab *'Aqīdah al-Najīn* adalah berdasarkan beberapa matlamat utama yang digarapkan agar menepati sasarananya iaitu :

- i. Matlamat utama kajian ini dilakukan adalah untuk mencari pendekatan yang paling sesuai dan relevan dengan persoalan akidah di kalangan umat Islam kini sesuai dengan arus pemikiran mereka. Ia bertujuan untuk membina kemantapan akidah umat Islam di dalam arus perubahan dunia menghadapi alaf baru yang semakin mencabar dan menggugat akidah mereka.
- ii. Di samping itu, kualiti kitab ini akan dapat diperbaiki dan diperkemaskin dengan lebih baik lagi dengan beberapa kajian yang dilakukan untuk memastikan hadith-hadith yang sahih sahaja digunakan sebagai hujah utama dengan sedikit ulasan terhadapnya. Manakala hadith *da'īf* akan dinyatakan kedudukannya dengan terperinci.
- iii. Mengetahui kedudukan hadith sahih sebagai sumber akidah adalah amat penting terutamanya kepada orang awam yang tidak mengetahui kedudukan hadith. Dengan itu mereka dapat membezakan di antara hadith sahih dengan *da'īf* agar tidak timbul fitnah di dalam beramal

dengan hadith *da'if* yang mengakibatkan kesan buruk di dalam kehidupan di dunia dan azab Allah s.w.t. di akhirat.

- iv. Permasalahan ini telah dipandang serius oleh Imam Muslim dan menjelaskan adalah lebih baik beramal dan berpegang dengan hadith yang sahih walaupun sedikit berbanding dengan hadith *da'if* walaupun dengan bilangannya yang banyak sekalipun.¹⁹

Dengan itu para pembaca akan dapat mengetahui kedudukan hadith-hadith di dalam kitab tersebut yang menjadi rujukan penting kepada penuntut ilmu di kalangan penduduk di Tanah Melayu , Patani dan sekitarnya.

Selain daripada itu, kajian dan penyelidikan ini adalah untuk mencapai beberapa objektif tertentu yang dapat membantu untuk merealisasikan matlamat di atas, di antaranya ialah :

- i. Untuk mengetahui apakah pendekatan semasa yang lebih sesuai dengan suasana persekitaran dan tuntutan semasa.
- ii. Untuk mengetahui apakah kandungan perbincangan hadith yang terdapat di dalam kitab tersebut.
- iii. Untuk mengetahui kedudukan hadith dan penghujahannya dari sudut kekuatannya sebagai hadith sahih, hasan mahupun *da'if* di dalam kitab tersebut.

¹⁹ Muslim al-Hajjāj, *Sahīh Muslim bi Syarḥ al-Nawawi*, Dar al-Rayyān, Kaherah, t.t., jil.1, hal. 47

- iv. Untuk menarik minat para pelajar dan ilmuan terhadap kitab-kitab turath terutamanya untuk membina kefahaman yang mantap terhadap hadith-hadith dan kepentingan dalil-dalil *naqliyah*.
- v. Untuk memenuhi keperluan Akademi Pengajian Islam untuk mendapat sarjana Usuluddin.

1.4 Metodologi Penyelidikan

Dalam penyelidikan ilmiah, metodologi memainkan peranan yang besar dan merupakan teknik terpenting untuk mendapatkan data dan fakta secara sistematis dan kolektif. Apabila sesuatu kajian menggunakan metodologi yang sesuai dan tepat, sebuah penelitian yang bermutu dan berkualiti akan terhasil.

Perkataan metodologi berasal daripada bahasa Yunani Kuno iaitu *metodos* bermakna jalan atau cara dan *logos* memberi pengertian sebagai ilmu. Manakala penyelidikan bermaksud usaha-usaha untuk memperolehi data dan fakta yang diperlukan dalam suatu penyelidikan untuk mendapatkan perumusan-perumusan dan akhirnya merumuskan generalisasi.²⁰

²⁰Koentjaraningrat, *Metod-metod Penelitian Masyarakat*, P.T. Granada, Pustaka Utama, Jakarta, 1991 , hal.13

Oleh itu metodologi ialah cara kerja untuk dapat memahami objek yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan dengan penyelidikan.²¹

Maka dapatlah dibuat kesimpulan bahawa metodologi penyelidikan ialah ilmu tentang cara-cara untuk melakukan penyelidikan atau bermaksud suatu proses pencarian yang berterusan.

Di dalam penyelidikan ini, beberapa metod akan digunakan untuk memudahkan kajian ini, iaitu :

- i. Metod Penentuan Subjek
- ii. Metod Pengumpulan Data
- iii. Metod Analisa Data

1.4.1 Metod Penentuan Subjek

Di dalam menentukan subjek penyelidikan ini, penulis memfokuskan skop kajian terhadap hadith-hadith akidah yang terdapat di dalam kitab ‘*Aqidah al-Najīn*’ di dalam membicarakan persoalan akidah seperti ketuhanan, kenabian dan sam’iyat.

²¹ *Ibid.*, hal. 7

Di samping itu metod sampling juga digunakan. Penulis mengambil beberapa contoh hadith yang terdapat di dalam tajuk-tajuk yang telah dibahagikan kepada beberapa pembahagian yang ditetapkan. Hadith-hadith tersebut telah dibahagikan kepada beberapa katogeri iaitu ketuhanan, kenabian dan *sam'iyyat*.

Hadith-hadith yang dikaji akan disemak daripada sumbernya yang asal untuk mengetahui kedudukannya sama ada boleh diterima ataupun sebaliknya.

Selain merujuk kepada kitab *Aqidah al-Najīn*, penulis menggunakan kitab-kitab hadith utama seperti *Sahīh al-Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Sunan Abū Dāud*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī*, *Sunan Ibn Mājah*, *al-Muwaṭṭa'*, *Imām Mālik bin Anas*, *Sunan al-Dārimī* dan *Musnad Ahmad bin Ḥanbal*. Kitab-kitab tersebut diperolehi di perpustakaan, kedai-kedai buku dan daripada bahan-bahan bacaan (buku-buku) milik persendirian.

1.4.2 Metod Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data-data kajian yang berkaitan dilakukan dengan menggunakan penyelidikan seperti berikut :

- i. Kajian Perpustakaan
- ii. Kajian Lapangan

i. Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah langkah asas yang digunakan oleh penulis. Menerusi kaedah ini penulis melakukan kajian terhadap objek-objek penyelidikan di perpustakaan-perpustakaan dan toko-toko buku untuk memperolehi data-data yang diperlukan. Data-data tersebut diperolehi dengan menelaah bahan-bahan rujukan penting seperti buku-buku, jurnal-jurnal, majalah-majalah dan lain-lain.

Menurut Koenjaraningrat, sejumlah besar data yang telah tersedia adalah data *verbal*²² seperti yang terdapat di dalam surat-surat, catatan harian (jurnal), bahan-bahan kenangan (memoir), laporan-laporan dan sebagainya. Kumpulan data verbal yang berbentuk tulisan ini disebut sebagai dokumen.²³

Bagi mendapatkan bahan-bahan tersebut, penulis menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang terdapat di negeri Kelantan seperti Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri, Perpustakaan Awam Kelantan, Perpustakaan Awam Kampung Raja, Besut dan beberapa perpustakaan mini milik badan-badan kerajaan mahupun individu seperti Perpustakaan Majlis

²² Verbal , adj. of or for words, bermakna kata-kata. Lihat *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*, D.B.P, Kuala Lumpur, 1991.(cet. Pertama), hal. 1845

²³ Koenjaraningrat, *op. cit.* , hal. 46

Di samping itu juga penulis menggunakan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Majalah Universiti Malaya dan Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur.

ii. Kajian Lapangan

Selain daripada kajian perpustakaan, kajian lapangan juga digunakan. Ia bertujuan membuat penyelidikan secara langsung dengan mendatangi objek yang dipilih untuk diteliti dan dikaji serta dibuat perumusan dan kesimpulan jika perlu.

Konsep ini memerlukan penelitian secara langsung daripada peneliti dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk mengumpulkan data dan fakta bagi menghasilkan generalisasi yang dikehendaki sama ada menggunakan kaedah penyelidikan eksploratif, deskriptif mahupun secara *experimental study*.²⁴

Untuk tujuan tersebut penulis mengambil beberapa sampel untuk dijadikan sebagai objek kajian untuk mengetahui maklumat lanjut berkaitan dengan kitab

²⁴ *Ibid.*, hal. 30

‘Aqidah al-Najīn dan ketokohan pengarangnya iaitu Syeikh Ibn Yusuf al-Sanusi serta penterjemahnya Syeikh Zain al-‘Abidin bin Muhammad al-Faṣani.

Penulis mendapatkan maklumat lanjut tentang objek kajian tersebut dengan merujuk kepada beberapa orang yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Syeikh Zain al-‘Abidin bin Muhammad al-Faṣani seperti kaum keluarganya yang masih hidup dan guru-guru pondok yang pernah menjadi murid kepadanya ataupun pernah berguru dengan murid Syeikh Zain al-‘Abidin selain daripada maklumat yang tercatat di dalam buku-buku sejarah tentang ulama-ulama di Nusantara.

Selain daripada kajian perpustakaan dan lapangan, proses pengumpulan data juga menggunakan beberapa metod penting yang lain bagi mendapatkan informasi yang diperlukan di dalam kajian ini, iaitu:-

- i. Metod Historis
- ii. Metod Dokumentasi
- iii. Metod Observasi

1.4.3 Metod Historis

Historis adalah sejarah yang bermaksud ilmu tentang perubahan manusia dan masyarakat²⁵. Metod ini juga bermakna suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian.²⁶

Penggunaan metod ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang bernilai sejarah untuk menentukan ketepatan sesuatu kejadian yang berlaku.

Di dalam konteks ini, penulis membuat beberapa penelitian sejarah terhadap cara dan pendekatan Rasulullah s.a.w. di dalam menanam akidah yang mendalam di dalam jiwa para sahabat sehingga mereka berjaya mengembangkan Islam ke seluruh pelusuk tanah Arab dengan berbekalkan akidah yang mantap hasil ajaran dan didikan daripada Rasulullah s.a.w.

Perkara ini telah dibuktikan apabila terdapat di kalangan mereka yang sanggup mengorbankan harta dan jiwa raganya demi memperjuangkan Islam seperti Abu Bakr, ‘Umar, ‘Uthmān dan lain-lain. Mereka telah diikat di bawah satu panji dan kesatuan kalimah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ yang telah

²⁵ Prof. Dr. Imam Barnadib, *Metode Sejarah Pendidikan*, Yayasan Penerbitan FIP- IKIP, Yogyakarta, 1982 ,hal. 51

²⁶ *Ibid.*, hal. 52

melahirkan pengabdian ('ubudiyyah) yang tinggi di kalangan mereka tanpa mengira warna kulit dan keturunan.²⁷

Selain itu, penulis menggunakan metod ini dengan memuatkan kronologi peristiwa perkembangan Ilmu Hadith daripada zaman Rasulullah s.a.w. sehingga ke zaman seterusnya dan dimuatkan juga tentang sejarah pembukuan hadith dan '*Ulūm al-Hadīth* serta selari dengan perkembangan akidah umat Islam.

Penulis juga membuat kajian untuk mendapatkan maklumat terperinci terhadap bahan utama kajian penulis iaitu kitab '*Aqīdah al-Najīn* dan tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung mengarang dan menterjemahkannya .

1.4.4 Metod Dokumentasi

Menurut Profesor Dr. Imam Barnadib, metod ini bermakna benda-benda bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan sama ada ia bersifat tetap mahupun sebaliknya seperti gambar, potret, kumpulan hukum, peraturan-peraturan, keputusan pengadilan dan sebagainya. Otobiografi, Surat-surat peribadi, buku atau catatan harian dan surat khabar juga dikira sebagai dokumen tersebut. Ia merupakan sumber yang pertama²⁸.

²⁷ Sa'īd Hawwa, *al-Islām*, Dar al-Salām, Kaherah , 1993, hal. 337

²⁸ Imam Barnadib, *op. cit.* , hal. 55

Metod ini digunakan oleh penulis untuk melengkapkan data tentang latar belakang masalah dan pengertian tajuk yang dipetik daripada sumber-sumber utama yang terdiri daripada kamus-kamus dan buku-buku rujukan yang berkaitan.

1.4.5 Metod Observasi

Metod ini bermaksud cara pengumpulan data berdasarkan pengamatan seseorang itu secara langsung terhadap objek penelitian tersebut. Usaha pengamatan atau observasi yang cermat dapat di anggap merupakan salah satu cara penelitian yang amat sesuai bagi para ilmuan terutamanya di dalam bidang ilmu-ilmu sosial.²⁹

Cara ini digunakan oleh penulis dengan memerhati beberapa objek yang menjadi rujukan asas di dalam pengajian ilmu Usuluddin termasuk buku-buku dan peninggalan warisan lama.

²⁹ *Ibid.*, hal. 108

1.4.6 Metod Analisa Data

Setelah data-data tersebut diperolehi dan dikumpulkan, maka ia perlu diolah dan dianalisa untuk memastikan keaslian dan ketepatan maklumat tersebut sebagai satu fakta. Metod ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

- i. Metod Deduktif
- ii. Metod Induktif
- iii. Metod Komparatif

i. Metod Deduktif

Metod ini merupakan satu cara menganalisa data melalui pola berfikir dengan mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus³⁰.

Penulis menggunakan metod ini di dalam bab keempat yang membincangkan data-data umum tentang tajuk kemudian dibuat penelitian secara khusus terhadap item-item di dalam penggunaan hadith-hadith akidah di dalam kitab tersebut.

³⁰ Imam Barnadib, *op. cit.*, hal. 52

ii. Metod Induktif

Metod ini adalah perkara yang sebaliknya terhadap proses deduktif. Metod ini adalah satu proses analisa data melalui pola berfikir dengan mencari pembuktian yang berpijak pada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.³¹

Ia digunakan di dalam bab yang berkaitan dengan landasan teori dan kedudukan hadith di dalam akidah. Hasil daripada analisa daripada hal-hal khusus berkenaan dengan *takhrij* hadith dan ulasannya maka akan merumuskan satu hipotesis umum di bahagian akhirnya.

iii. Metod Komparatif

Ia digunakan untuk membuat satu perbandingan tentang pendekatan Rasulullah s.a.w di dalam akidah berbanding dengan pendekatan ulama-ulama mutakhir ini di dalam kitab-kitab akidah mereka. Perbandingan ini difokuskan kepada kitab ‘*Aqidah al-Najîn*’.

³¹ *Ibid.*

1.5 Sumber-sumber Data

Untuk mendapatkan data-data berkaitan untuk tujuan penyelidikan, penulis berusaha mendapatkannya daripada bahan-bahan bercetak seperti buku-buku, jurnal-jurnal, majalah-majalah dan sebagainya.

Untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut, penulis mendapatkan bahan rujukan yang diperlukan daripada beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri, Perpustakaan Majlis Agama Islam Kelantan , Perpustakaan Awam Kelantan di Kota Bharu dan Perpustakaan Awam Terengganu di Besut serta beberapa buah perpustakaan mini yang terdapat di pusat-pusat pengajian di sekitar Kota Bharu.

Di samping itu, penulis juga mengumpulkan bahan-bahan yang diperlukan dengan mendapatkannya daripada perpustakaan di luar daripada Kelantan terutamanya Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Pusat Islam di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) .

Masyarakat yang telibat secara langsung atau tidak langsung juga merupakan salah satu bentuk sumber data yang dikumpulkan oleh penulis untuk menyiapkan kajian ini.

1.6 Kajian Terdahulu Tentang Kitab ‘*Aqidah al-Najīn*

Penyelidikan terhadap karya-karya utama karangan ulama-ulama Nusantara adalah begitu terhad sekali. Kebanyakannya dikupas secara ringkas sahaja sebagai pengenalan terhadap karya-karya tersebut tanpa perbahasan terperinci terhadap isi kandungan , metodologi dan hujah-hujah yang dikemukakannya.

Sepanjang pengamatan penulis , mendapati hanya kajian terhadap ketokohan Syeikh Daud al-Fatāñī (M. 1265H) terhadap aspek-aspek pengajarannya sebagai tokoh ilmuan dan pengarang yang ulung di Nusantara. Keadaan ini dapat dilihat apabila didapati banyak latihan-latihan ilmiah yang dibentang oleh para sarjana dan ilmuan Islam di Malaysia tentang ketokohan beliau.Manakala tokoh-tokoh lain hanya sekadar pengenalan terhadap jasa dan karangan mereka secara ringkas.³²

Begitu juga halnya dengan kajian terhadap kitab ‘*Aqidah al-Najīn*. Penulis mendapati hanya satu kajian terperinci terhadap kitab tersebut. Kajian tersebut merupakan Tesis Sarjana Sastera Universiti Sains Malaysia oleh Nor Hafsa Ismail bertajuk : Ilmu Tauhid , Kajian Perbandingan Kitab ‘*Aqidah al-Najīn*

³²Sila rujuk kitab Hj. Wan Muhammad Saghir Abdullah , Syeikh Daud bin 'Abd Allah al-Fatāñī Ulama dan Pengarang Ulung Asia Tenggara , Penerbitan Hizbi , Shah Alam , 1990. Lihat juga Mohd Zamperi A. Malik , *Patani Dalam Tamadun Islam*, D.B.P. , Kuala Lumpur , 1994 , Mudasir Rosder, *Asas Tauhid : Pertumbuhan dan Huraiannya* , D.B.P. , Kuala Lumpur , 1989

dengan Sukatan Tauhid KBSM dan Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat Kawasan Utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia.³³

Di dalam kajian beliau , terdapat enam bab keseluruhannya termasuk Bab Pertama sebagai pendahuluan. Di dalam bab ini ,ia membincangkan latar belakang masalah, objektif dan faedah kajian serta metodologi yang digunakan di dalam tesis tersebut.³⁴

Bab Kedua pula , pengarang menghuraikan beberapa persoalan tauhid dengan memberi takrifannya dari sudut bahasa dan istilah .Pendapat ulama diambil sebagai mengulas pengertian ilmu Tauhid seperti pendapat Ibn Khaldūn (M. 808H), al-Taftazānī (M. 791H) dan ‘Abd al-Rahmān al-Ījī (M. 756)³⁵

Beberapa nama ilmu Tauhid juga dimasukkan di dalam bab ini seperti *al-Fiqh al-Akbar*, *al-Tauhid*, *al-'Aqidah*, *Usūl al-Dīn* dan *Ilm al-Kalām* di samping perbincangan tentang pembahagiannya kepada beberapa bahagian iaitu *tauhid al-Rububiyyah* , *tauhid al-Uluhiyyah* dan *tauhid al-Asmā' wa al-Sifat*.³⁶

³³Nor Hafsa Ismail , 'Ilmu Tauhid , Kajian Perbandingan Kitab 'Aqīdah al-Najīn dengan Sukatan Tauhid KBSM dan Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat Kawasan Utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia' , (Tesis Sarjana Sastera Universiti Sains Malaysia , Pulau Pinang , 1997).

³⁴Ibid. , hal. 1-10

³⁵Ibid. , hal. 11-12

³⁶Ibid. , hal. 13-17

Seterusnya pengarang menghuraikan perkara-perkara yang bercanggah dengan tauhid. Ia terdiri daripada syirik, kufur dan *nifāq*. Kepentingan akidah tauhid juga dinyatakan secara ringkas bersama sejarah ilmu Tauhid di zaman Rasulullah s.a.w. dan selepasnya.³⁷

Bab ini juga , pengarang menceritakan beberapa bentuk penyelewengan akidah dan disertakan dengan beberapa contoh seperti Atheis, *Wahdah al-Wujūd*, *al-Ittiḥad* , *Tanāsukh al-Arwah*, Komunis dan ajaran-ajaran sesat serta adat-adat Melayu yang bertentangan dengan akidah.³⁸

Bab Ketiga pula menfokuskan perbincangan terhadap biografi Syeikh Zain al-‘Abidin al-Faṭānī dan isi kandungan kitab ‘Aqīdah al-Najīn. Bahagian pertama , pengarang menceritakan latar belakang Syeikh Zain al-‘Abidin al-Faṭānī berkenaan riwayat hidupnya³⁹ , murid-murid beliau⁴⁰ , karya-karya yang telah dihasilkannya⁴¹ dan keturunannya termasuk mereka yang mengikuti jejaknya mengarang kitab agama seperti Syeikh Muḥammad Ṣaleh, Syeikh ‘Umar dan Hj.

³⁷ *Ibid.* , hal. 20-36

³⁸ *Ibid.* , hal. 43-58

³⁹ *Ibid.* , hal. 60

⁴⁰ *Ibid.* , hal. 61

⁴¹ *Ibid.* , hal. 62

Hasan⁴². Akhir sekali pengarang menyentuh beberapa keramat beliau. Di antaranya ialah perigi pondoknya tidak pernah kering walaupun pada musim kemarau yang amat teruk.⁴³

Bahagian kedua pula, beberapa sinopsis dibuat oleh pengarang tentang persoalan akidah di dalam kitab ‘*Aqidah al-Najīn*. Beliau memulakan perbahasan tersebut dengan menjelaskan tentang hukum dan pembahagiannya sebagaimana dijelaskan oleh Syeikh Zain al-‘Abidin di awal perbahasan kitabnya.⁴⁴ Kemudiannya beliau menjelaskan tentang hukum belajar dan mengajar ilmu Tauhid⁴⁵. Di samping itu, dimasukkan juga beberapa persoalan mengenai sifat-sifat Allah s.w.t. termasuk Sifat Dua Puluh.⁴⁶

⁴²*Ibid.*, hal. 64-65

⁴³*Ibid.*

⁴⁴*Ibid.*, hal. 66, lihat juga ‘*Aqidah al-Najīn*, hal. 5

⁴⁵*Ibid.*

⁴⁶*Ibid.*, hal. 67

Pengarang menyentuh juga persoalan dosa dan pahala, enam *Kulliyat*,⁴⁷ ajal, mati syahid, kedudukan jin di akhirat, rezeki dan diakhirinya dengan menerangkan hakikat iman dan Islam⁴⁸.

Bab Keempat merupakan analisa pengarang dengan melakukan perbandingan di antara sukanan pengajian akidah di dalam kitab *'Aqidah al-Najīn* dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) serta Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat di Kawasan Utara Semenanjung Malaysia.

Pengarang menyentuh tentang latar belakang sejarah kewujudan KBSM dan sukanan ilmu Tauhid untuk KBSM yang diajar di Sekolah Menengah Kebangsaan.⁴⁹ Beliau juga ada menjelaskan tentang latar belakang Sekolah Menengah Agama Rakyat dengan menfokuskan kajian terhadap silibus tauhid empat sampel utama di kawasan Utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Sampel pertama dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) satu yang diwakili oleh Sekolah Maahad Tarbiyah Islamiah Beseri, Perlis. Sampel kedua diwakili oleh Madrasah Masriyah Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Manakala Silibus tauhid untuk Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat

⁴⁷ Enam *Kulliyat* ialah aspek yang berkaitan dengan kewajipan memelihara enam perkara penting iaitu agama, jiwa, akal, harta, keturunan dan maruah diri. *Ibid.*, hal. 79. Lihat juga *'Aqidah al-Najīn*, hal. 112

⁴⁸ *Ibid.*, hal. 79-80

⁴⁹ *Ibid.*, hal. 86-92

di Kedah dan Perak mewakili sampel ketiga dan sampel keempat diwakili oleh Maahad al-Ridwaniyah Teluk Medan , Bagan Serai Perak⁵⁰.

Pengarang berjaya menganalisis kajian perbandingan di antara pengajaran tauhid di dalam kitab *'Aqidah al-Najīn* dengan silibus KBSM dan Sekolah Menengah Agama Rakyat di Utara Semenanjung dengan memperolehi beberapa hasil di dalam bab Kelima tesis beliau. Di dalam bab ini , perbandingan adalah berdasarkan kepada kepentingan akidah dan ilmu Tauhid secara umum serta contoh-contoh penyelewengan terhadap akidah.

Pengarang telah berjaya menonjolkan beberapa aspek kelebihan dan kekurangan masing-masing. Diantaranya ialah tentang topik ma'rifah dan sifat-sifat Allah s.w.t. Syeikh Zain al-Ābidīn al-Faṭā'ī menjadikannya sebagai fokus utama perbincangannya di dalam kitab *'Aqidah al-Najīn* . Ia dibincang secara terperinci dan mendalam tentang sifat-sifat , dalil-dalil akal dan *naqli* , *kaifiyat* sifat-sifat tertentu dan perbandingan di antara sifat Nafsiyyah , Salbiyyah , Ma'ani dan Ma'nawiyah. Manakala di Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) hanya disentuh secara ringkas sahaja sebagai pengenalan. Silibus KBSM pula menghuraikannya secara tidak langsung.⁵¹

⁵⁰ *Ibid.* , hal. 103 - 206

⁵¹ *Ibid.* , hal. 209 - 211

Beberapa natijah diperolehi daripada kajian tersebut . Di antaranya tentang Nama-nama Allah s.w.t. , *al-Nubuwwat* , *al-Syahadah* , hakikat iman dan Islam dan perkara-perkara yang berhubung dengan *sam'iyyat*.⁵²

Pengarang telah menunjukkan kemampuan terhadap analisanya dengan menyatakan beberapa aspek kelemahan dan kekurangan di samping beberapa bentuk perbincangan yang positif di dalamnya seperti menjelaskan sesuatu hukum dengan disertai dalil dan contohnya bersama.⁵³

Bab terakhir sekali merupakan kesimpulan dan saranan pengarang terhadap kajian tersebut. Beberapa keterangan diperolehi sepanjang kajian beliau, iaitu kepentingan ilmu Tauhid di dalam membina akidah ummah , fokus-fokus dan penekanan tertentu di dalam akidah perlu diberi perhatian untuk memantapkan akidah seseorang muslim dan menyelamatkan diri daripada kesesatan seperti menekankan aspek kekuasaan Allah s.w.t. dan mencari sumber-sumber kekuatan akidah berlandaskan al-Quran dan hadith.⁵⁴

Penulis mendapati pengarang telah berjaya membuat analisa perbandingannya dengan baik terhadap fokus kajiannya dengan menemui

⁵²*Ibid.* , hal. 216 - 226

⁵³*Ibid.* , hal. 227-230

⁵⁴*Ibid.* , hal. 234

beberapa keputusan yang positif untuk diketengahkan di dalam pengajian ilmu Tauhid kepada generasi hari ini dan seterusnya.

1.7 Sistematika Penulisan

Penulisan ini dibahagikan kepada lima bab yang berasingan. Setiap bab dipersembahkan dengan caranya yang tersendiri. Ia perlu dilakukan dengan kemas dan tersusun bagi mengoptimumkan penyampaian maklumat kepada para pembaca.

Bab Pertama diletakkan oleh penulis sebagai pendahuluan untuk menerangkan rancangan penyelidikan dan apakah isi-isi perbincangan yang akan diutarakan oleh penulis di dalam bab-bab yang seterusnya. Ia juga dikenali sebagai *proposal*.

Manakala Bab Kedua akan membincangkan landasan teori yang berkaitan dengan tajuk utama tesis : Hadith-hadith Akidah di dalam Kitab-kitab Jawi Tumpuan Kepada Kitab ‘*Aqidah al-Najīn*’. Maklumat-maklumat berkaitan dengan tajuk di atas dikumpulkan melalui proses penyelidikan perpustakaan yang berkaitan dengan teori tentang hadith-hadith akidah.

Bab Ketiga Merupakan lanjutan daripada penerangan landasan teori di dalam bab Kedua . Bab ini juga menfokuskan perbincangannya terhadap

AS10822729

perkembangan dan metodologi akidah serta klasifikasi hadith-hadith akidah yang terdapat di dalam kitab ‘*Aqīdah al-Najīn*.

Klimak kajian penulis ialah bab Keempat. Di dalam bab ini penulis menyaring kekuatan hujah terhadap sesebuah hadith yang digunakan di dalam kitab tersebut. Kaedah *takhrij* hadith dilakukan untuk memastikan kesahihan dan kedudukan hadith tersebut.

Di dalam kajian ini, penulis menggunakan banyak bahan-bahan rujukan hadith untuk mencari sumber-sumber hadith dan kedudukan hukum terhadap sesuatu hadith. Manakala bagi hadith yang diterjemahkan di dalam kitab tersebut perlu dicari hadith asalnya di dalam Bahasa Arab dan perlu dilakukan dengan teliti untuk mengelakkan daripada sebarang kesilapan.

Setelah keseluruhan isi kandungan tesis ini dibincang dengan terperinci dan teliti, maka penulis membuat rumusan akhir di dalam bab Kelima sebagai kesimpulan dan penutup.

Penulis akan membuat beberapa konklusi terhadap sistem pengajian akidah yang berkesan dan dimuatkan juga beberapa saranan yang difikirkan perlu untuk diambil perhatian di dalam mencari sumber kekuatan akidah umat Islam melalui kaedah pengajian akidah yang berkesan.

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah

Hadith merupakan tafsiran amali terperinci terhadap nas-nas al-Quran yang berbentuk umum. Ia juga menjelaskan realiti sebenar terhadap kesyumannan risalah Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w di dalam kehidupan sehariannya. Ia meliputi segenap aspek urusan kehidupan sama ada berkaitan dengan hal peribadi, keluarga, masyarakat dan pentadbiran negara.¹

Rasulullah s.a.w. sebagai pembawa risalah Allah s.w.t. telah mengajar manusia tentang cara hidup yang direhui Allah s.w.t. di dalam kehidupan di dunia maupun akhirat melalui panduan wahyu yang diturunkan kepadanya. Wahyu tersebut sama ada berupa al-Quran dan *al-Hadīth* atau *al-Sunnah*.

Islam telah meletakkan kedudukan sunnah Rasulullah s.a.w. sebagai satu sumber rujukan terpenting selain al-Quran. Malah setiap kelakuan dan akhlak Rasulullah s.a.w adalah merupakan wahyu. ‘Ā’isyah r.a apabila ditanya oleh para

¹Dr. Yusuf al-Qarađawī, *Kaifā Nata ḥāmal ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Dar al-Wafā', Mansurah, 1994, hal. 23